

Qalam

Bilangan 117 Syawal 1379 April, 1960 60 Sen

Marilah Berhari Raya

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa lillāhi al-ḥamd!

Al-ḥamdu lillāh, bagi kali yang kesepuluhnya Qalam dan ahli-ahlinya

serta kakitangannya mengucapkan *min al-‘ā’ dīn al-fā’izīn* kepada sekalian saudara-saudara umat Muslimin yang berhari raya hari ini. Marilah kira rayakan hari raya yang berbahagia ini di dalam suatu suasana kesedaran dan keinsafan bahawa kita telah merasa apa ertinya berlapar dan bagaimana penderitaan berlapar dalam masa sebulan sambil menahan hawa nafsu kita kepada sesuatu yang kita ingini. Dengan kesedaran yang ada itu dapatlah hendaknya kita menyedari bahawa di dalam masyarakat kita sekarang banyak saudara-saudara kita yang tidak bekerja dan berpekerjaan yang berharap kepada kesedaran kita untuk mencari jalan meringankan tanggungan dan bebanan mereka.

Allāhu Akbar! Saudara-saudara, di dalam kepapaan hidup seseorang itu kerap kali membawa kepada kesyirikan. Kerana lapar perkara yang bakal dilakukan mereka. Kerana itu mustahak sungguh, jika kita mengingat dan menyedarkan mereka supaya dalam masa-masa yang sangat rumit itu berserah kepada kekuasaan Tuhan. Pandanglah segala sesuatu penderitaan itu sebagai percubaan hidup dan kita janganlah berputus asa daripada berharap kepada pertolongan Tuhan melepaskan percubaan hidup yang didatangkan oleh-Nya, dan jangan sekali-kali mereka terbiar dan berputus harap daripada pertolongan Tuhan-Nya.

Allāhu Akbar! Kita menyedari sekarang bahawa di dalam angkatan-angkatan baharu sangat sedikit orang-orang kita yang akan kemuka menggantikan usaha-usaha orang-orang yang terdahulu untuk menyeru manusia kepada jalan jalan Tuhannya. Kita menyedari sekarang bahawa pemuda-pemuda kita telah banyak kecenderungannya jauh daripada agamanya bahkan banyak di antara mereka memandang bahawa agama itu penghalang bagi kemajuan hidupnya. Kejadian ini mustahak kita pelajari bersama kerana perkembangan ini ertinya akan merosakkan Islam dari dalam – daripada masyarakat kita sendiri.

Allāhu Akbar! Apakah sebabnya maka sedemikian itu keadaannya? Pertanyaan inilah yang patut dipelajari, terutamanya oleh alim ulamanya. Kerana jika tidak ada tenaga bersama untuk mempelajari sebab-sebabnya dan berusaha memberikan apa yang dihajati oleh mereka – iaitu memberikan cara berfikir di dalam beragama dengan luas, maka percayalah pandangan terhadap kepada agama sebagai penghalang hidup itu akan bertambah merebak dan akhirnya menjadi suatu bahaya yang sangat besar kepada Islam seluruhnya di tanah air kita, terutamanya kalau pandangan kita hanya diberi kepada kulit agama, tidak kepada isinya.

Allāhu Akbar! Wahai umat Islam, insafilah bahawa tiap-tiap kita akan disoal kemudian nanti terhadap apakah yang telah kita usahakan untuk agama kita. Kerana itu dalam masa kita berhari raya, marilah kita berfikir atau bermenung sejenak untuk memikirkan apakah yang telah kita, apakah yang patut kita dan apakah persiapan-persiapan yang telah kita buat untuk menjawab soal-soal yang akan didatangkan kepada kita di hari pembalasan nanti. Hubaya-hubaya bersiaplah –

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar; wa lillāhi al-ḥamd.

Qalam Sepuluh Tahun

Al-ḥamdu lillāh, dengan hari raya ini, genaplah pada tahunnya yang kesepuluh dan memasuki tahunnya yang kesebelas.

Sambungannya pada muka 4